



PROJEK MEGA...Ali (tengah) menunjukkan model Marina Island, Pangkor, semalam - Gambar NORSHARUDDIN SAPIAN

BINA KOTA TERAPUNG RM1B

Oleh Norsharuddin Sopian
bisnes@hmetro.com.my

PERAK bakal mempunyai satu lagi destinasi terbaru pelancongan apabila sebuah 'kota terapung' dikenali Marina Island Pangkor bernilai RM1 bilion dibina di Teluk Muroh, Lumut.

Projek yang terletak di Manjung itu dimulakan sejak 2003 dengan pelaksanaan kerja penambakan laut bagi membina sebuah pulau buatan bertentangan Pulau Pangkor.

Pembinaan mercu tanda baru itu dijalankan dengan kerjasama Marina Island Development Sdn Bhd (MIDSB) dan Marina Sanctuary Resort Sdn Bhd (MSRSB).

Pengarah Urusan MIDSB, Datuk Ali Bagas Abdullah, berkata fasa pertama projek itu memabitkan pembinaan bangunan komersial dan kediaman dimulakan Mac lalu serta dibangunkan dengan konsep gabungan ala-Belanda dan tempatan.

Katanya, mengikut perancangan, pembangunan pulau seluas 128.3 hektar itu dijangka siap sepenuhnya dalam masa 10 hingga 15 tahun lagi.

Beliau berkata, kawasan itu unik kerana menggabungkan elemen komersial, kediaman dan pelancongan.

Katanya, Marina Island Pangkor bakal berperanan sebagai sebuah pelabuhan kapal persisiran yang pertama di Asia Pasifik.

"Sebuah jeti bertaraf antarabangsa turut dibina bagi kemudahan kapal persiaran berlabuh di samping sebuah jeti domestik bagi kemudahan orang ramai berkunjung ke Pulau Pangkor," katanya.

Menurutnya, jeti itu bakal me-

mendekkan perjalanan kurang dari 10 minit berbanding 30 hingga 45 minit menggunakan feri di Jeti Awam Lumut.

"Gabungan konsep ala Belanda dan tempatan dipilih bertujuan menarik kedatangan pelancong asing ke Perak, tambahan pula kawasan itu masih kaya dengan kesan peninggalan bekas jajahan kerajaan Belanda, sedikit masa dahulu.

"Syarikat juga akan membina bangunan bercirikan Belanda di samping beberapa kincir angin di taman permainan, pintu masuk utama dan jeti," Katanya.

Pengarah Urusan MSRSB, Datuk Ding Poi Chung, berkata sebagai sebuah marina bertaraf dunia, Marina Island Pangkor menyediakan kediaman, kemudahan perniagaan, rumah kedai, akademi pelayaran, hotel, pusat beli-belah dan pusat komersial.

Katanya, syarikat akan menubuhkan kelab marina selain taman tema yang bakal menjadi tarikan baru pelancong ke daerah Manjung.

Beliau berkata, pembangunan keseluruhan Marina Island Pangkor bertumpu kepada pembinaan dua pulau buatan terletak 400 meter daripada pantai.

"Pulau itu dihubungkan dengan daratan menerusi pembinaan sebuah jambatan sepanjang 150 meter.

Destinasi
baru
pelancongan
di Perak